



13 OCT, 2024

## Kamera badan tingkat integriti, kualiti penugasan pegawai JKDM

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

# Kamera badan tingkat integriti, kualiti penugasan pegawai JKDM

**Penggunaan BWC bukti komited agensi tingkat perkhidmatan, tanggungjawab**

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Sepang:** Penggunaan kamera badan (BWC) oleh petugas di lapangan dan barisan hadapan, membantu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menurunkan kes membabitkan tata kelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawainya sejak setahun lalu.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin, berkata berdasarkan statistik data aduan bermula 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai 2024 hanya lapan kes diterima, berbanding dari 1 Ogos 2022 hingga 31 Julai 2023 sebanyak 13 kes.

Beliau berkata, statistik itu me-

nunjukkan pengurangan sebanyak 38.46 peratus dalam jumlah aduan yang diterima.

Katanya, perkara ini membuktikan keberkesanan penggunaan BWC dalam kalangan pegawai JKDM di lapangan dan secara tidak langsung meningkatkan tahap integriti pegawai.

"Penggunaan BWC ini menunjukkan komitmen JKDM dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik, di samping dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap jabatan ini," katanya pada Majlis Pelancaran Kamera Badan (BWC) di Bangunan Pentadbiran AMC Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri) Datuk Aidiid Tajuddin; Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan), Ribuan Abdullah dan Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail.

Pemakaian BWC oleh pegawai barisan hadapan JKDM ini adalah projek rintis JKDM bermula



Anis Rizana (kanan) memakaikan kamera badan kepada pegawai kastam pada Majlis Perasmian BWC di KLIA, semalam. (Foto BERNAAMA)

Ogos tahun lalu.

Pada peringkat awal, JKDM memperoleh sebanyak 60 unit BWC secara sewaan bagi tempoh 36 bulan dengan kos perolehan RM1.59 juta.

### Perketat kawalan sempadan

Selain menguatkuasa dan mengawal selia pergerakan barang di pintu keluar masuk utama negara ia juga bertujuan menangani isu penyeludupan barang la-

trangan bagi memelihara ekonomi dan memastikan sempadan negara sentiasa terjaga.

Anis Rizana berkata, lima lokasi dipilih untuk penggunaan BWC membabitkan 12 unit di Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat, 24 unit di JKDM KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2; 12 unit di JKDM Selangor, manakala 12 unit lagi di JKDM Johor.

Beliau berkata, objektif penggunaan BWC ini bertujuan meningkatkan tahap integriti dan ketelusan pegawai barisan hadapan ketika berurusan dengan orang awam.

Katanya, JKDM berharap kerajaan dapat menambah aset itu pada masa depan dan diperluaskan kepada barisan hadapan di pintu masuk seluruh negara.

"Secara tidak langsung, penggunaan BWC ini merekodkan peningkatan kutipan hasil RM6.34 juta bermula Januari hingga September tahun ini bagi cawangan pemeriksaan penumpang (CPP) di KLIA dan klia2, berbanding RM5.22 juta pada bulan yang sama pada 2023 meningkat RM1.12 juta bersamaan 21.46 peratus," katanya.



13 OCT, 2024

## Kamera badan tingkat integriti, kualiti penugasan pegawai JKDM

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Penggunaan BWC bukti komited agensi tingkat perkhidmatan, tanggungjawab

Sepang: Penggunaan kamera badan (BWC) oleh petugas di lapangan dan barisan hadapan, membantu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menurunkan kes membabitkan tata kelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawainya sejak setahun lalu.